



**GARIS PANDUAN LAYANAN CUKAI KE ATAS
PERBELANJAAN PAJAKAN BAGI ASET KHAS DI BAWAH
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 (APCP)**

1. PENGENALAN

- 1.1 Industri petroleum di Malaysia adalah penyumbang kepada pendapatan negara.
- 1.2 Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA) telah diwartakan dan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) diberikan seluruh pemunyaan dan hak, kuasa, kebebasan dan keistimewaan eksklusif untuk mengeksplorasi, mengeksploit, mendapatkan dan memperoleh petroleum sama ada di pantai atau luar pantai Malaysia.
- 1.3 Peranan PETRONAS adalah termasuk kawal selia dan tadbir urus ke atas pembangunan operasi petroleum negara. Ini merangkumi penganugerahan perjanjian petroleum contohnya Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) kepada syarikat minyak dan gas antarabangsa dan tempatan bagi tujuan mengeksplorasi, mengeksploit, mendapatkan dan memperoleh petroleum sama ada di pantai atau luar pantai Malaysia.
- 1.4 Pelan Pembangunan Medan (FDP) bagi setiap perjanjian petroleum perlu mendapat kelulusan PETRONAS. Oleh itu, aset khas seperti *Floating Production System (FPS)*, *Floating Production Storage & Offloading (FPSO)* dan *Floating Storage & Offloading (FSO)* yang digunakan dalam pengeluaran minyak dan gas perlu mendapat kelulusan PETRONAS

sama ada perlu dibina atau dipajak oleh Orang Yang Boleh Dikenakan Cukai (OBD) melalui perjanjian petroleum masing-masing.

- 1.5 FPS ialah istilah umum untuk semua varian sistem pengeluaran terapung.
- 1.6 FPSO ialah struktur terapung yang digunakan oleh industri minyak dan gas luar pesisir untuk pengeluaran dan pemprosesan, memunggah dan menyimpan hidrokarbon. FPSO direka bentuk untuk menerima hidrokarbon yang dihasilkan sendiri atau dari pelantar yang berdekatan, memprosesnya dan menyimpannya sehingga ia boleh dipunggah ke kapal tangki atau diangkut melalui saluran paip. FPSO biasanya diubahsuai dari kapal tangki minyak atau struktur yang dibina khas untuk tujuan pengeluaran dan pemprosesan hidrokarbon dalam operasi petroleum.
- 1.7 Sekiranya struktur terapung tersebut digunakan hanya untuk menyimpan dan memunggah hidrokarbon (tanpa memprosesnya) ianya dikenali sebagai FSO.

2. OBJEKTIF

Garis panduan ini dikeluarkan untuk memberikan penjelasan mengenai layanan cukai ke atas perbelanjaan pajakan bagi aset khas seperti FPS, FPSO dan FSO di bawah peruntukan subseksyen 15(1) APCP.

3. PAJAKAN

- 3.1 Secara umum, pajakan adalah satu perjanjian di mana satu pihak iaitu pemilik aset (pemberi pajak) menyediakan aset bagi kegunaan penerima pajak dengan suatu balasan (sewa), sama ada tetap atau fleksibel, dan untuk suatu tempoh tertentu (tempoh pajakan) sama ada tetap atau fleksibel.

- 3.2 Pajak yang dimaksudkan dalam garis panduan ini adalah pajak yang membenarkan penggunaan aset dengan hak pemilikan aset kekal dengan pemberi pajak (*lessor*) pada akhir tempoh pajak.

4. PAJAKAN BAGI ASET KHAS

- 4.1 Di dalam industri petroleum hulu, aset khas seperti FPS, FPSO dan FSO merupakan aset yang berteknologi tinggi dan banyak digunakan dalam pengeluaran minyak dan gas.
- 4.2 Pihak-pihak yang terlibat memeterai dalam satu perjanjian pajak aset khas adalah:
- a) pemberi pajak (*lessor*) iaitu pihak yang menyediakan perkhidmatan sewa pajak aset khas dan merupakan pemilik benefisial / sah ke atas aset atau harta yang dipajak; dan
 - b) penerima pajak (*lessee*) iaitu OBD yang menggunakan aset khas tersebut bagi menjalankan operasi petroleum.
- 4.3 Walaupun terdapat di antara terma-terma dalam perjanjian pajak yang memberi indikator wujudnya suatu perjanjian jualan (*deemed sale*) di bawah piawaian perakaunan seperti berikut:
- a) Pemilikan aset
Pemberi pajak adalah pemilik yang sah di sisi undang-undang atau pemilik benefisial bagi aset yang dipajak. Dalam perjanjian pajak, pemberi pajak juga adalah merujuk kepada “*owner*” atau “*contractor*” manakala penerima pajak adalah merujuk kepada “*company*” atau “*charterer*” atau yang seumpamanya dengan maksud yang sama;

- b) Tempoh pajakan
Tempoh pajakan bagi suatu perjanjian pajakan adalah bergantung kepada tempoh pengeluaran hidrokarbon;
- c) Tawaran *Option to Purchase*
Penerima pajak diberi pilihan untuk membeli aset dalam tempoh pajakan atau pada hujung tempoh perjanjian pajakan;
- d) Insurans
Pemberi pajak adalah bertanggungjawab mengurus, mengambil dan menanggung kos insurans sepanjang tempoh pajakan berlangsung;
- e) Pemeriksaan & pengujian peralatan
Segala kos dan perbelanjaan berkaitan pemeriksaan dan pengujian peralatan adalah ditanggung oleh pemberi pajak selagi mana tempoh pajakan berlangsung. Walau bagaimanapun, ada kalanya aktiviti ini adalah di bawah tanggungjawab penerima pajak;
- f) Penyelenggaraan
Penyelenggaraan aset pajakan adalah di bawah tanggungjawab pemberi pajak sepanjang tempoh pajakan berlangsung. Walau bagaimanapun, ada kalanya penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab penerima pajak;
- g) Lesen dan permit operasi
Pemberi pajak adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendapatkan kelulusan lesen dan permit pengoperasian aset tersebut serta perlu memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh kerajaan sesebuah negara khususnya Malaysia. Proses dan kos terlibat bagi mendapatkan lesen dan permit adalah ditanggung pemberi pajak;

namun ianya berbeza dalam menentukan layanan cukai bagi transaksi pajakan ke atas aset khas dalam APCP. Ini kerana, pemilikan aset khas pada akhir tempoh pajakan (*in substance*), masih menjadi hak milik pemberi pajak. Oleh itu, belanja pajakan bagi aset khas ini layak dibenarkan potongan di bawah subseksyen 15(1) APCP.

5. LAYANAN PERCUKAIAN PAJAKAN ASET KHAS

- 5.1 Berdasarkan kepada prinsip umum, belanja pajakan yang pada dasarnya adalah bayaran sewa yang berulang, bersifat hasil dan merupakan sebahagian daripada perbelanjaan dalam menghasilkan pendapatan.
- 5.2 Perbelanjaan pajakan yang dilakukan oleh penerima pajak dibenarkan di bawah subseksyen 15(1) APCP dengan syarat perbelanjaan tersebut adalah perbelanjaan yang kesemua dan semata-mata dilakukan dalam tempoh asas dalam menghasilkan pendapatan kasar.
- 5.3 Sekiranya perbelanjaan yang dilakukan merupakan perbelanjaan berbentuk modal dan merupakan perbelanjaan yang layak di bawah Jadual Kedua, APCP maka tuntutan elaun modal adalah dibenarkan.

Contoh :

POSB/PMSB telah memeterai perjanjian petroleum dengan PETRONAS bagi menjalankan operasi petroleum bagi kawasan SK-A PSC. FDP telah diluluskan oleh PETRONAS pada 2 Mei 2020 yang mana pengeluaran petroleum adalah melalui aset khas FPSO yang dipajak dari ABC Limited.

POSB selaku operator bagi SK-A PSC telah menandatangani perjanjian pajakan FPSO dengan ABC Limited untuk tempoh pengeluaran pertama mulai 1 Januari 2023 dan tempoh PSC akan tamat pada 31 Disember 2043 (20 tahun). Harga yang dipersetujui untuk bayaran pajakan bulanan ialah USD1 juta selama 20 tahun.

Selain daripada pajakan, POSB juga telah membeli aset tambahan untuk melengkapkan fungsi FPSO seperti *Subsea Equipment* yang terdiri daripada *Electrical Power Unit (EPU)*, *Master Control Station (MCS)* dan *Hydraulic Power Unit (HPU)* dari ABC Limited pada harga USD150 juta.

Butiran	Jumlah (USD)	Hak Milik
Harga pembelian aset tambahan	150 juta	OBD
Belanja pajakan	1 juta sebulan selama 20 tahun	Pemberi pajak

Layanan cukai ke atas belanja pajakan FPSO dan kos aset tambahan adalah seperti berikut:

- a) OBD layak menuntut perbelanjaan pajakan ke atas FPSO sebanyak USD1 juta secara bulanan di bawah subseksyen 15(1) APCP sekiranya mematuhi peruntukan di bawah subseksyen tersebut.
- b) Pembelian aset tambahan berjumlah USD150 juta adalah perbelanjaan yang layak dibenarkan sebagai tuntutan elaun modal di bawah Jadual Kedua, APCP sekiranya mematuhi peruntukan di bawah Jadual tersebut.

6. PENAFIAN

Contoh dalam garis panduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh : 20 Jun 2023

S.K : LHDN.01/35/(S)42/51/343